

Bajet 2012: Langkah liberalisasi ekonomi dijangka
Malaysiakini.com
September 12,2011

Lebih banyak langkah-langkah meliberalisasikan ekonomi dijangka akan diumumkan pada pembentangan bajet akan datang, menurut laporan majalah perniagaan Forbes Asia yang mewawancarai Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

"Dalam pembentangan bajet pada bulan Oktober ini, akan ada pusingan liberalisasi," perdana menteri dipetik sebagai berkata walaupun beliau tidak memberikan butiran tersebut.

"Kami telah meliberalisasikan ekonomi, tetapi saya perlu mententeramkan kebimbangan dalam negeri bahawa membuka terlalu cepat itu mungkin satu ancaman.

"Liberalisasi adalah baik untuk daya saing mampan jangka panjang. Ia membina kekuatan intrinsik kami - bukan melalui perlindungan atau subsidi," katanya.

Pada tahun 2009, kerajaan meliberalisasikan sektor perkhidmatan dan kewangan yang menyaksikan 30 peratus ekuiti bumiputera bagi kira-kira 27 perkhidmatan sub-sektor dihapuskan. Kerajaan juga melonggarkan syarat pelesenan dan had ekuiti asing bagi bank pelaburan.

Bajet 2012 dijadualkan pada 7 Oktober ini selepas parlimen bersidang semula pada 3 Oktober.

Najib juga mengulangi hasratnya meneruskan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) tetapi menekankan keperluan mendapatkan sokongan dalam negeri.

"Kami telah meluaskan asas cukai kami. Pada prinsip, kami bersetuju meneruskan GST, yang memperuntukan asas pendapatan yang kukuh apabila dilaksanakan. Tetapi sekali lagi, saya perlu membabitkan orang ramai dan menyalinkan rakyat bahawa ia adalah satu langkah yang baik," katanya.